

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN
[GERIK]**

TARIKH : 1 APRIL 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 12

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan

- (a) apakah rasional dan justifikasi Kementerian Pengangkutan menambah pemasangan kamera AES dan setakat manakah kejayaan sistem AES mengurangkan kemalangan jalanraya dan meningkatkan pematuhan undang-undang di kalangan pengguna jalan raya; dan
- (b) berapakah jumlah pemandu kenderaan melakukan kesalahan dari Mei 2018 hingga 31 Januari 2019 ekoran penambahan kamera tersebut.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini tiada penambahan bilangan kamera AES atau AwAS dan semua kamera AwAS yang beroperasi kini adalah dipasang semasa pentadbiran terdahulu.
2. Mengenai sejauh mana sistem ini mampu mengurangkan kemalangan jalanraya, saya ingin memaklumkan Yang Berhormat mengenai perkara-perkara berikut:
 - (i) Mengikut kajian daripada MIROS, terdapat penurunan peratusan kesalahan memandu laju yang menyumbang kepada kemalangan maut iaitu daripada 24% kepada 13%; dan
 - (ii) Peratusan pemandu yang mematuhi peraturan had laju meningkat daripada 63% sebelum pemasangan kamera AwAS kepada 95% selepas kamera AwAS dipasang di sesuatu lokasi.
3. Berkenaan dengan soalan kedua iaitu jumlah pemandu kenderaan yang melakukan kesalahan dan diserahkan notis saman AES/AwAS dari bulan Mei 2018 sehingga 31 Januari 2019, saya ingin memaklumkan perkara-perkara berikut:
 - i) Sebanyak 467,226 notis saman AES/AwAS telah dikeluarkan dalam tempoh 1 Mei 2018 sehingga 31 Januari 2019. Namun begitu, saman-saman dari tarikh 1 Mei 2018 sehingga 31 Ogos 2018 telah dimansuhkan;
 - ii) Sebanyak 84,165 notis saman AwAS telah dikeluarkan dalam tempoh 1 September sehingga 31 Disember 2018; dan
 - iii) Sebanyak 22,981 notis saman AwAS telah dikeluarkan bagi bulan Januari 2019.
4. Secara umumnya jumlah notis-notis saman AES/AwAS yang dikeluarkan adalah berkurangan jika dibandingkan dengan tempoh terdahulu.

Sekian, terima kasih.